

29/04/2000

Calon MT setuju henti kempen

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar; Wan Hazmir Bakar
PUTRAJAYA, Jumaat - Calon yang merebut 25 jawatan Majlis Tertinggi (MT) pada pemilihan pucuk pimpinan Umno 11 Mei ini sepakat menghentikan segala bentuk kempen dalam usaha membanteras rasuah dan politik wang.

Kesepakatan ini dicapai dalam pertemuan tertutup kira-kira tiga jam dengan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana, di sini malam ini.

Pada pertemuan itu, Dr Mahathir menasihatkan calon supaya menjauhi sebarang bentuk politik wang serta kempen yang tidak sihat bagi menjaga imej dan masa depan parti.

Bagaimanapun, mereka tidak membuat perakuan bertulis seperti dilakukan oleh 15 calon bagi jawatan kanan parti dengan Dr Mahathir pada malam Isnin lalu.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, ketika ditemui pemberita berkata, semua calon MT yang hadir sepakat menyokong usaha Dr Mahathir untuk membanteras politik wang.

"Kita tidak boleh buat sesuatu yang menjurus kepada politik wang. Kita menerima nasihat Perdana Menteri...jika kita kempen nanti, nanti orang meluat dengan kita. Kita nak jaga imej Umno.

"Perdana Menteri memberi nasihat supaya ahli parti menjaga nama baik Umno. Jadi kita setuju bahawa politik wang ialah sesuatu yang boleh merosakkan parti," katanya.

Seorang lagi calon MT ketika dihubungi pula berkata, beberapa calon yang kurang dikenali meminta Dr Mahathir melonggarkan peraturan tidak berkempen kerana ramai perwakilan tidak mengenali mereka.

Bagaimanapun, katanya, Perdana Menteri menyatakan yang beliau tidak boleh melarang mana-mana calon untuk terus berkempen, tetapi jika menerima laporan mengenai perkara itu, tindakan tegas tetap akan diambil.

"Kata Perdana Menteri, perwakilan sudah pasti akan mengenali calon sekiranya mereka tidak pernah berhenti berkhidmat kepada parti.

"Masalahnya sekarang, kata Dr Mahathir, ketika ada pertandingan baru mereka ingin menawarkan khidmat dan beria-ia menunjuk muka.

"Jadi Dr Mahathir menasihatkan calon supaya jangan memalukan serta menjatuhkan maruah parti kerana masyarakat umum memerhati dan menilai apa yang sedang berlaku pada Umno," kata calon terbabit.

Beliau berkata, Perdana Menteri menyedari ada kempen yang bukan sekadar memperkenalkan diri, bahkan digunakan untuk mengutuk serta memburuk-burukkan calon lain.

Sementara itu, Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), Datuk Abdul Azim Ahmad Zabidi, berkata Dr Mahathir menyerahkan kepada calon untuk menafsirkan sendiri bentuk kempen sama ada ia sihat atau tidak.

(END)